

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan insurans kemalangan diri **Buddy PA Crime Shield**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Buddy PA Crime Shield?

Buddy PA Crime Shield ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian dan hilang upaya kekal akibat kemalangan, dan pampasan lain untuk manfaat kerugian atau kecederaan akibat jenayah.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Dengan perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Benefits	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan Asas	Pelan Baik	Pelan Lebih Baik	Pelan Terbaik
1.	Kematian a) Setiap dewasa b) Setiap anak	50,000 10,000	100,000 20,000	200,000 20,000	300,000 25,000
2.	Hilang upaya kekal (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	50,000 10,000	100,000 20,000	200,000 20,000	300,000 25,000
3.	Tunai ihsan bagi keganasan rumah tangga	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000
4.	Pengeluaran tunai mesin juruwang automatik (sehingga)	500	700	1,000	1,200
5.	Ragut (sehingga)	500	500	800	1,000
6.	Penculikan (sehingga)	Tidak dilindungi	5,000	5,000	5,000
7.	Penjagaan pemulihan (maksimum 30 hari bagi setiap mana-mana satu kemalangan, sehingga)	500	750	1,000	1,250
8.	Perbelanjaan perubatan di hospital untuk bilik dan makanan (maksimum 60 hari bagi setiap mana-mana satu kemalangan, sehingga)	150 setiap hari	150 setiap hari	200 setiap hari	200 setiap hari
9.	Perbelanjaan perubatan di hospital selain bilik dan makanan, sehingga a) Setiap dewasa b) Setiap anak	500 150	800 250	1,000 400	1,500 500
10.	Perbelanjaan perubatan pesakit luar (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	500 100	500 100	500 150	700 200
11.	Fi ambulans (sehingga)	500	500	500	500

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
- Keracunan/intoksikasi dadah dan alkohol; atau
- Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Buddy PA- Crime Shield, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih jenis skim. Sebagai sampel ilustrasi untuk 1 orang dewasa dengan jumlah manfaat RM200,000.00 - Pelan Lebih Baik, anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Premium Asas	RM 337.97
(-) Diskaun Kepada Pelanggan	25% atau RM 84.50
Jumlah Premium	RM 253.47

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Cukai Perkhidmatan	8 % daripada jumlah premium atau RM 20.27
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM 283.74

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.